



**SURAT PEMBERITAHUAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
(Bilangan: 13/2025)**

**PENGEMASKINIAN PEMBERIAN SUBSIDI YURAN PEPERIKSAAN  
BRUNEI-CAMBRIDGE GENERAL CERTIFICATE OF EDUCATION**

Dengan hormat sukacita merujuk hasil Mesyuarat Majlis Pelajaran Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Sesi 2024-2026 mengenai Pengemaskinian Pemberian Subsidi Yuran Bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge General Certificate of Education.

2. Kementerian Pendidikan akan melaksanakan **Pengemaskinian Pemberian Subsidi Yuran Peperiksaan Brunei-Cambridge General Certificate of Education Peringkat 'A'/'AS'/'O' dan International General Certificate of Secondary Education** seperti berikut:

2.1 Peniadaan subsidi yuran peperiksaan Brunei-Cambridge General Certificate of Education dan International General Certificate of Secondary Education bagi Calon Bukan Rakyat (kad pengenalan hijau).

2.2 Pengecualian peniadaan subsidi bagi Calon Bukan Rakyat (kad pengenalan hijau) jika:

2.2.1 Salah seorang ibu-bapa atau penjaga calon yang sah mempunyai status kerakyatan Negara Brunei Darussalam (kad pengenalan kuning); dan

2.2.2 Calon mestilah bermastautin di Negara Brunei Darussalam; dan

2.2.3 Calon mestilah bersekolah di Sekolah Kerajaan.

3. Sehubungan itu, kadar yuran peperiksaan Brunei-Cambridge General Certificate of Education Peringkat 'A'/'AS'/'O' dan International General Certificate of Secondary Education yang dikemaskini adalah seperti yang ditetapkan dalam jadual berikut:

<b>CALON RAKYAT (KAD PENGENALAN KUNING/MERAH) DAN CALON TANPA KEWARGANEGARAAN (KAD PENGENALAN UNGU)</b>			
<b>Bayaran</b>	<b>Yuran Tempatan</b>	<b>Yuran Pendaftaran</b>	<b>Yuran Setiap Mata Pelajaran</b>
<b>Peringkat 'O'</b>	\$ 20.00	\$ 40.00	\$ 35.00
<b>IGCSE</b>	\$ 20.00	\$ 40.00	\$ 35.00
<b>Peringkat 'AS'</b>	\$ 20.00	\$ 40.00	\$ 40.00
<b>Peringkat 'A'</b>	\$ 20.00	\$ 40.00	\$ 60.00

<b>CALON BUKAN RAKYAT (KAD PENGENALAN HIJAU)</b>			
<b>Bayaran</b>	<b>Yuran Tempatan</b>	<b>Yuran Pendaftaran</b>	<b>Yuran Setiap Mata Pelajaran</b>
<b>Peringkat 'O'</b>	\$ 20.00	\$ 40.00	\$ 105.00
<b>IGCSE</b>	\$ 20.00	\$ 40.00	\$ 140.00
<b>Peringkat 'AS'</b>	\$ 20.00	\$ 40.00	\$ 135.00
<b>Peringkat 'A'</b>	\$ 20.00	\$ 40.00	\$ 195.00

4. Walau bagaimanapun, kadar yuran peperiksaan ini akan dikemaskini pada setiap tahun berdasarkan kadar yang diterima daripada pihak Cambridge International Education mengikut tempoh sesi peperiksaan Oktober/November sehingga sesi peperiksaan Mei/Jun pada tahun berikutnya.

5. Adapun pengemaskinian pemberian subsidi yuran peperiksaan Brunei-Cambridge General Certificate of Education Peringkat 'A'/'AS'/'O' dan International General Certificate of Secondary Education adalah berkuatkuasa mulai **07 Ogos 2025**.

Sekian disampaikan untuk makluman Pengiran/Datin/Doktor/Tuan/Puan mengenainya.

Wassalam.

*"Integrati Menconak Perkhidmatan Awam Berkualiti"*

Dengan hormat,



**[DR SHAMSIAH ZURAINI KANCHANAWATI BINTI HAJI TAJUDIN]**

Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)

Kementerian Pendidikan

Rujukan Kami : 13 KPE/M7/42/2025

Tarikh : 19 Rabiulakhir 1447H / 11 Oktober 2025M